



SABAH ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS INSIGHT



PELATIH GUAMAN DAN PELATIH INDUSTRI YANG TELAH MENAMATKAN SESI LATIHAN DI JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2021.

KOTA KINABALU - Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah telah menerima seramai (9) pelatih guaman yang akan menjalankan latihan guaman di jabatan ini selama satu (1) tahun. Manakala seramai lapan (8) pelatih industri yang menjalankan latihan selama tiga (3) bulan di jabatan ini.

Pelatih guaman akan ditempatkan di bahagian dan seksyen yang berbeza bagi tempoh satu (1) tahun. Terdapat Bahagian-Bahagian Utama seperti Guaman Sivil dan Penguatkuasaan, Bahagian Gubalan dan Semakan Undang-Undang dan Bahagian Nasihat Guman. Pelatih guaman akan menjalankan latihan di setiap bahagian selama dua (2) bulan dan selepas itu mereka akan meneruskan latihan di bahagian dan seksyen yang lain.

Pelatih industri yang menjalani sesi latihan di jabatan ini akan berada dibawah penyeliaan seorang penyelia yang akan memantau prestasi pelatih industri sepanjang tempoh latihan dilaksanakan. Dengan ini, Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah ingin mengambil peluang untuk mengucap tahniah dan selamat maju jaya kepada semua pelatih guaman dan pelatih industri yang telah menamatkan sesi latihan mereka di Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah. Jabatan ini berharap agar semua pelatih-pelatih dapat mengaplikasikan semua ilmu yang telah diperolehi sepanjang tempoh bersama jabatan ini. Syabas diucapkan.

